

**SOALAN NO. 60**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI  
MOHAMAD [ LIPIS ]**

**TARIKH : 2 APRIL 2015 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [ Lipis ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan program-program yang dilaksanakan untuk membantu golongan yang miskin dan tidak lagi bergantung kepada bantuan Kementerian untuk berdikari.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) komited dalam usaha membantu golongan miskin yang kurang berkemampuan. Bantuan yang diberikan tidak hanya tertumpu kepada bantuan kewangan sahaja, tetapi juga meliputi bantuan berbentuk peralatan dan khidmat nasihat / bimbingan agar mereka mampu menjana pendapatan sendiri atau menambah pendapatan isi rumah tanpa bergantung kepada bantuan kewangan semata-mata untuk saraan hidup.

**Productive Welfare** merupakan inisiatif inovasi sosial bagi menggalakkan penerima bantuan Jabatan yang produktif agar berdikari melalui program menjana pendapatan untuk dimanfaatkan kembali kepada klien. Antara projek yang dilaksanakan adalah seperti produk kraf, cenderahati, aksesori wanita, makanan siap proses dan lain-lain. Sejak **Productive Welfare** dijalankan bermula April 2014 sehingga Februari 2015, seramai 703 orang peserta telah mendapat manfaat dengan purata peningkatan pendapatan daripada RM150 kepada RM700 setiap peserta projek.

Selain daripada itu, terdapat juga program-program yang dilaksanakan bagi membantu golongan kurang berkemampuan seperti berikut:

**a) Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT)**

Sejak program ini mula diperkenalkan pada tahun 2008 hingga 2014, seramai 4,834 orang ibu tunggal telah menyertai program I-KIT di seluruh negara. Untuk pemantauan yang dijalankan dari tahun 2010 hingga 31 Disember 2014, seramai 2,318 orang ibu tunggal telah berjaya meningkatkan pendapatan sebanyak 50% daripada pendapatan asal setelah enam (6) bulan mengikuti program ini.

**b) Program 1AZAM**

Dari tahun 2010 hingga Disember 2014, sejumlah 173,445 orang telah menyertai Program 1AZAM. Pada tahun 2014, seramai 22,040 peserta telah berjaya meningkatkan pendapatan asal melebihi RM300.

**c) Program Mamacare (Program Penjagaan Selepas Bersalin)**

Jumlah pendapatan yang diperolehi oleh 91 orang pengamal sepanjang bulan Januari 2013 hingga Disember 2014 adalah

sebanyak RM1,263,640 dengan pendapatan tertinggi mencapai RM6,800 sebulan. Jumlah pelatih yang telah dilatih sehingga Februari 2015 adalah seramai 431 orang wanita daripada golongan *Low Income Household* (LIH).